

06 DEC 2000
Parlimen-OSA
PAS GUNA OSA GERTAK PENYOKONG BN

KUALA LUMPUR, 6 Dis (Bernama) -- PAS yang dahulunya mengutuk kerajaan Barisan Nasional (BN) kerana menggunakan Akta Rahsia Rasmi (OSA) kini turut menggunakan akta itu sebagai senjata untuk menggertak kakitangan kerajaan di Kelantan dan Terengganu yang menyokong BN, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri Datuk Noh Omar berkata, kedua-dua kerajaan negeri itu juga telah merombak struktur kakitangannya sebanyak empat kali.

"Kata perkara biasa... tapi apa yang kita lihat, kakitangan kerajaan yang menyokong UMNO ditendang-tendang macam bola," katanya ketika menjawab soalan Badrul Hisham Abdul Aziz (BN-Hulu Langat) semasa sesi soal jawab.

Beliau berkata kakitangan awam yang masih menyokong BN diugut akan dihantar ke negeri lain dan pelbagai ugutan lain dikenakan terhadap sekumpulan kakitangan kerajaan yang telah datang ke sini berjumpa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Dalam soalnya Badrul ingin tahu sama ada kerajaan telah mengenal pasti kakitangan awam yang cuba mensabotaj rancangan kerajaan kerana sokongan politik mereka kepada pembangkang.

Noh berkata kerajaan BN tidak pernah menghukum kakitangan awam yang menyokong pembangkang kecuali selepas mendapat bukti kukuh mereka juga terlibat dalam kegiatan yang menjejaskan tanggungjawab kerajaan.

Katanya, kerajaan berpuas hati dengan sokongan kakitangan awam selama ini tetapi turut memberi amaran kepada mereka yang menentang dasar-dasar kerajaan supaya meletak jawatan sebelum dituduh mengkhianatnya.

Saupi Daud (Keadilan-Tanah Merah) dalam soalan tambahannya meminta ditunjukkan laporan yang boleh membuktikan dakwaan Noh itu.

Beliau juga mendakwa bahawa kakitangan kerajaan yang menyokong BN didapati mensabotaj dan melambatkan rancangan kerajaan PAS di Kelantan dan Terengganu.

Noh berkata pendedahan yang dibuat olehnya adalah diketahui umum dan mengenai perbuatan penyokong UMNO dalam kerajaan PAS beliau berkata ia sepatutnya dilapor oleh PAS kepada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dijadikan laporan rasmi.

-- BERNAMA
SLR MNY NMO